

# MENDEPANI COVID-19: MUHASABAH DAN MUJAHADAH DIRI

Nozira binti Salleh; Syarifah binti Ismail

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

aziera@ukm.edu.my; sharifah@uum.edu.my

**Abstrak:** Dunia digemparkan dengan munculnya novel coronavirus atau dikenali secara ringkasnya Covid-19 pada akhir 2019 di Wuhan, Negara China. Hari demi hari, angka mereka yang disahkan menghadapi novel coronavirus meningkat. Ia telah merebak pantas ke ratusan buah negara di dunia, bahkan melibatkan jutaan pesakit dan menyebabkan ribuan kematian. Dalam mendepani wabak tersebut, sesungguhnya ramai Muslim secara khususnya dan manusia secara amnya agak keliru dan panik sehingga menimbulkan sedikit kegusaran, keimbangan dan pelbagai kesan negatif yang menggugat keharmonian diri dan masyarakat. Justeru, artikel ini cuba menerokai dan menyelidik salah satu alternatif terbaik dalam mendepani Covid-19 melalui muhasabah dan mujahadah diri. Sebagai seorang Muslim, wajib diyakini bahawa setiap penyakit mahupun wabak datang daripada Allah s.w.t. Tiada satupun dalam kehidupan dunia ini yang keluar daripada kerangka ciptaan, takdir, qada' dan qadar Allah s.wt. Kemudian, artikel ini hanya menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk kepada buku, artikel jurnal, suratkhabar dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah muhasabah diri yang diamalkan oleh Muslim mampu melahirkan sifat tenang, damai, sabar dan redha dengan ujian yang melanda. Begitu juga dengan mujahadah diri mampu membentuk seseorang Muslim itu menjadi kuat, tidak mudah berputus asa, tawakkal pada Allah dan lain-lain lagi. Ini bermakna bahawa kedua-dua kaedah ini merupakan salah satu alternatif terbaik dalam membina ketahanan jima dan fizikal Muslim bagi mendepani dan menghadapi pelbagai cabaran Covid-19 ini.

**Kata kunci:** Covid-19, Muhasabah, Mujahadah, Ujian, Muslim

## PENDAHULUAN

Novel coronavirus atau dikenali sebagai Covid-19 telah mula dikesan di Wuhan, China pada bulan Disember 2019. Wabak coronavirus ini sangat merbahaya kerana ia sedang berlaku secara global, berpunca daripada coronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Ia menyebabkan jangkitan saluran pernafasan sehingga berpotensi menyebabkan kematian terutama kepada golongan tua, individu yang menghadapi masalah kesihatan serta rendah sistem imun. Hari demi hari, angka mereka yang disahkan menghadapi novel coronavirus terus meningkat dengan pantas sehingga ia boleh dikatakan, tiada negara yang tidak dijangkiti oleh virus ini. Begitu juga dengan kematian, ia mencatatkan rekod kematian penduduk dunia yang paling tinggi pada abad ini. Mengikut laman sesawang Outbreak.my<sup>1</sup>, jumlah penduduk dunia yang telah dijangkiti virus ini ialah 229,080,587 orang dan jumlah kematian pula ialah 4,703,291 orang. Manakala di Malaysia, jumlah mereka yang dijangkiti ialah 2,097,830 orang dan jumlah kematian ialah 23,067 orang. Semua rekod ini dicatat dan diambil sehingga 20

---

<sup>1</sup> Covid—19 Outbreak Live Updates. <http://www.outbreak.my> (accessed 21/9/2021)

September 2021. Ini bermakna bahawa dalam tempoh dua tahun, virus ini sangat agresif dalam membunuh manusia dari seluruh pelusuk dunia.

Apa yang lebih menggusarkan lagi, Malaysia dikatakan merupakan salah satu negara yang tertinggi di Asia Tenggara yang merekodkan bilangan individu yang positif *novel coronavirus*. Pihak kerajaan telah mengadakan pelbagai usaha dengan mengadakan pelbagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), yang mana pada asasnya telah bermula pada hari Rabu 18 Mac 2020. Kemudiannya, ia disusuli dengan pelbagai usaha lagi seperti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan lain-lain lagi, yang mana semuanya bertujuan untuk menekan penularan wabak ini secara serius dengan cara memutuskan rantai Covid-19.<sup>2</sup>

Sesungguhnya, Covid-19 telah dan sedang mengubah dinamika dan penyataan masalah dalam pelbagai sektor kehidupan manusia secara amnya. Dalam aspek kehidupan sosial secara khususnya, kebanyakkan masyarakat masih keliru dan kurang yakin dalam menghadapinya secara matang, berhemah dan bertanggungjawab. Oleh sebab itu, telah muncul pelbagai isu, masalah dan polemik yang berterusan berkaitan dengan wabak itu dan kelangsungan kehidupan masyarakat dalam menghadapi wabak tersebut. Hal ini bermaksud bahawa pandemik Covid-19 bukan sahaja satu fenomena perubatan tetapi ia turut menjasksan ekonomi, politik, sosial, psikologi manusia dan sebagainya lagi.

Kebimbangan masyarakat yang melampau pada penularan dan ancaman Covid-19, telah mendorong pelbagai jenis tingkah laku yang tidak sepatutnya seperti membunuh diri, mencuri, merompak dan sebagainya. Begitu juga daripada sudut impak psikologi, munculnya gangguan emosi yang berbentuk gejala kemurungan, gemuruh, stress, sukar tidur, sentiasa berasa cemas dan lain-lain lagi. Tambahan lagi, semua kesan ini akan bertambah buruk apabila terdapat ahli keluarga yang hilang pekerjaan akibat wabak ini. Maka kecelaruan pengurusan kehidupan bertambah kompleks dan serius sehingga menimbulkan pelbagai gangguan dalam kehidupan sehari-hari.

**Dalam menghadapi musibah seperti ini, sesungguhnya agama Islam menawarkan pelbagai kaedah yang terbaik untuk manusia. Antaranya ialah pendekatan muhasabah dan mujahadah diri dalam menghadapi dan mengharungi pelbagai ujian pada era pandemik ini. Kedua-duanya dilihat sebagai neraca terbaik yang amat berguna untuk menilai segala ujian dan cabaran hidup agar tidak hilang pertimbangan, hilang kewarasannya sehingga memilih sudut yang negatif dan buruk sama ada kepada diri atau keluarga dan masyarakat.**

---

<sup>2</sup> Rozita,T. *Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan Kepada Penduduk Malaysia* (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). <https://www.dosm.gov.my> (accessed 1/9/2021)

## **KAEDAH MUHASABAH DAN MUJAHADAH DIRI DALAM MENDEPANI COVID-19**

Sesungguhnya, Islam adalah agama yang cukup sempurna kepada manusia. Ia menawarkan pelbagai kaedah yang terbaik buat mereka dalam menghadapi sesuatu masalah dan musibah. Begitu juga dengan ancaman yang berlaku semenjak kemunculan pandemik Covid-19, yang mana pelbagai cabaran, ujian dan masalah yang terpaksa dilalui oleh setiap manusia. Antaranya ialah perasaan bimbang dan takut yang menyelubungi diri akan bahaya virus tersebut, munculnya pelbagai lemparan fitnah dan provokasi mengenai hal ehwal virus tersebut, wujudnya kadar kemiskinan yang tinggi di kalangan masyarakat kerana ramai yang hilang pekerjaan dan banyak sektor ekonomi terpaksa dihentikan untuk seketika, muncul masalah keciciran pelajar dalam pendidikan kerana ramai pelajar yang tidak dapat mengikuti pembelajaran secara maya dan sebagainya lagi. Sesungguhnya semua masalah yang terpaksa dihadapi oleh manusia, sememangnya Islam mempunyai pendekatannya yang tersendiri iaitu kembali kepada ajaran agama, antaranya melalui pendekatan muhasabah dan mujahadah diri.

### **Muhasabah Diri**

Muhasabah diri bermaksud menghitung kelemahan dan kesalahan diri secara ikhlas. Ia juga dikenali sebagai satu proses menyedari hakikat diri sendiri. Menurut Kamus Dewan,<sup>3</sup> muhasabah ialah perbuatan menilai, meninjau perasaan sama ada fikiran atau pendirian diri sendiri. Al-Qushairi<sup>4</sup> menyatakan bahawa muhasabah ini lebih menjurus kepada perbuatan menghitung diri sendiri dengan apa yang telah dilakukan. Begitu juga dengan apa yang dinyatakan oleh Abdul Qadir Isa bahawa muhasabah diri ialah menanamkan larangan-larangan agama dalam jiwa, kemudian mendidiknya untuk menumbuhkan perasaan berhati-hati dalam setiap perbuatan agar mencapai ketulusan dan keikhlasan hati. Perbuatan ini kelihatan agak mudah untuk dilakukan, namun ia memberi kesan yang mendalam kepada jiwa untuk bersikap lebih tawadhuk, reda dan berhemah.<sup>5</sup>

Covid-19 merupakan salah satu wabak yang paling bahaya pada zaman ini. Ia sememangnya berlaku dan telah menyerang seluruh dunia sehingga tidak ada sesiapa pun yang dapat manafikan bahawa musibah ini adalah terlalu berat untuk dihadapi dan amat sukar untuk diselesaikan oleh semua pihak. Dalam menghadapi ancaman dan kesan daripada penularan wabak ini, seseorang Muslim itu perlulah bermuhasabah diri dan kembali kepada ajaran agama. Sempena kerajaan melaksanakan

---

<sup>3</sup> Sidang Editor DBP. *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

<sup>4</sup> Al-Qusyairi, Abd. Karim ibn Hawazin. *Risalah Sufi al-Qusyairi*. (Johor: Perniagaan Jahabersa, 2001)

<sup>5</sup> Isā, Abdul Qādir. *Hakikat Tasarruf*. Terj. Khairul Amru Harahap & Afrizal Lubis. (Jakarta: Qisti Press, 2005).

Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara, maka setiap masyarakat banyak menghabiskan masanya di rumah. Bagi Muslim, inilah masa yang paling sesuai untuknya merenungi dan menilai kekurangan diri bagi melakukan perubahan yang baik pada dirinya. Ia bermaksud, apabila kerajaan mengisyihar Perintah Kawalan Pergerakan dan media massa sibuk melaporkan pelbagai berita tentang wabak ini,<sup>6</sup> maka seharusnya dia perlu bertengang dan mengambil langkah yang cermat dengan merenungi diri sendiri terlebih dahulu, namun bukanlah bermakna dia hanya pasrah dan kecewa serta menyerah begitu sahaja. Ini disebabkan kerana Islam mengajar manusia untuk kawal perasaan dan emosi agar tidak terganggu disaat terkena musibah, malah mengembalikan diri dan segala urusan kepada Allah Taala. Dengan kata lain, seseorang Muslim itu perlu menyedari bahawa dirinya adalah makhluk ciptaan Allah yang sangat lemah. Dia tidak memiliki apa pun di dunia ini, malah dirinya sendiri dan semua makhluk adalah milik Allah secara mutlak. Allah memperlihatkan melalui wabak ini, Dialah satu-satunya yang mempunyai kuasa untuk menghidupkan sesuatu, mencipta, mematikan dan melenyapkan. Manakala manusia pula, yang berusaha sedaya upaya untuk mengelak daripada wabak ini sebenarnya lemah dan tidak berdaya melainkan berusaha dan berterusan memohon doa dan perlindungan kepada-Nya. Sebagai seorang Muslim, wajib meyakini bahawa setiap penyakit mahupun wabak datang daripada Allah s.w.t. Tiada satupun dalam dunia ini yang keluar daripada kerangka ciptaan, takdir, qada' dan qadar Allah s.w.t.<sup>7</sup> Hal ini selaras dengan firman Allah s.w.t:

وَإِذَا مَرْضَتْ فَهُوَ يَشْفِيْنِ

Dan apabila aku sakit, Dialah yang menyembuhkan aku.<sup>8</sup>

Dalam ayat lain, Allah s.w.t turut berfirman yang bermaksud:

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدَى اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلَيْهِ

Tidak ada musibah yang menimpa melainkan dengan izin Allah.<sup>9</sup>

Dengan bermuhasabah diri juga dapat memupuk kesedaran bahawa Allah berhak menguji para hambaNya dengan apa sahaja ujian dan dugaan termasuklah penularan wabak Covid-19 ini. Wahbah al-Zuhaili menyebut di dalam kitabnya al-Tafsir al-Munir bahawa dunia merupakan tempat ujian. Ujian tersebut boleh berlaku sama ada dalam keadaan buruk atau baik, maka manusia diuji dengan kesusaahan dan kesejahteraan,

---

<sup>6</sup> Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020. *Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronovirus 2019 (COVID-19) di Malaysia*. Berita Harian. <https://kpkesihatan.com> (accessed 1/9/2021).

<sup>7</sup> Haron Din. *Pengantar Pengubatan Islam. Siri Pengajaran Pengubatan Islam*. Jilid 1. (Bandar Baru Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia, 2011).

<sup>8</sup> Al-Quran, surah al-Syua'ra 26: 80.

<sup>9</sup> Al-Quran, surah al-Taghabun 64: 11.

halal dan haram serta dilihat bagaimana kesyukuran dan kesabaran mereka terhadap ujian tersebut.<sup>10</sup>

Sesungguhnya setiap yang apa berlaku, berada dalam ilmu Allah, iradah-Nya dan Kekuasaan-Nya. Justeru, setiap Muslim perlu yakin bahawa Covid-19 ini datang daripada Allah untuk menguji tahap keimanan hamba-Nya. Ia bertepatan dengan firman Allah:

أَحَسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتَرَكُوا أَنْ يَقُولُوا إِعْمَانًا وَهُمْ لَا يُفَتَّنُونَ  
لَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الظَّاهِرِينَ

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami beriman, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya, Kami menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah orang yang sebenar-benarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahuiNya orang yang berdusta.<sup>11</sup>

Maksud ayat al-Quran itu menjelaskan fitrah orang beriman pasti akan diuji oleh Allah s.w.t. dengan pelbagai ujian bagi memastikan iman seseorang hamba itu teguh kepada-Nya. Justeru, penularan wabak Covid-19 ini ternyata ujian daripada Allah s.w.t untuk menguji keimanan setiap Muslim, dan mereka juga perlu bersabar dan redha dalam menghadapinya. Walaupun begitu, setiap musibah juga dilihat sebagai suatu bentuk kecintaan dan rahmat daripada Allah s.w.t buat hamba-Nya. Setiap ujian dan dugaan yang diturunkan oleh Allah s.w.t merupakan simbol dan tanda kasih sayang-Nya. Ia dijelaskan dalam hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

Sungguh, jika Allah mencintai suatu kaum, maka Dia akan menimpakan ujian untuk mereka.<sup>12</sup>

Kemudian, melalui muhasabah diri yang dilakukan, seseorang itu dapat menyedari bahawa wabak Covid-19 ini merupakan satu peringatan daripada Allah s.w.t kepada semua hambaNya terutama mereka yang alpa dan lalai selama ini daripada melakukan suruhan Allah dengan baik. Seseorang Muslim itu perlu tahu bahawa kemunculan wabak ini pada hakikatnya adalah sebagai peringatan kerana manusia sering bersikap melampaui batas dan melanggar ketetapan Allah s.w.t., sebagaimana yang disebutkan dalam Hadis Rasulullah s.a.w:

---

<sup>10</sup>Al-Zuhaili, Wahbah. *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Minhaj*. Jilid 1&9. (Dimasyq: Darul Fikri, 2009).

<sup>11</sup> Al-Quran, Surah al-Ankabut 29: 2-3.

<sup>12</sup> Hadis Riwayat Ibn Majah.

إِذَا ظَهَرَتِ الْمُعَاصِي فِي أُمَّتِي عَمَّهُمُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ بِعَذَابٍ مِّنْ عَنْدِهِ  
Jika timbul maksiat pada umatku, maka Allah akan menyebarkan azab, seksa kepada  
mereka.<sup>13</sup>

Allah s.w.t berfirman:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنْ حَسَنَةٍ يُرَأَى  
وَمَنْ يَعْمَلْ مِنْ سُوءٍ يُرَأَى  
وَمَنْ يَعْمَلْ مِنْ حَسَنَةٍ يُرَأَى  
وَمَنْ يَعْمَلْ مِنْ سُوءٍ يُرَأَى

*Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sabaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksa-Nya.*<sup>14</sup>

Berdasarkan kefahaman ayat ini, ternyata ujian dan bala bencana tidak hanya menimpa orang yang berperangai buruk, tetapi ia juga menimpa kepada orang yang baik dan soleh, sepetimana wabak Covid-19 juga terkena kepada golongan Tabligh, pelajar-pelajar tafhib dan anak-anak kecil. Justeru, tindakan yang terbaik apabila menyedarinya sebagai peringatan, setiap Muslim perlu segera bertaubat atas segala kesalahan yang dilakukan, dengan harapan ia dapat diampunkan oleh Allah dan seterusnya, ujian wabak Covid-19 ini dapat dihapuskan.

Apabila seseorang Muslim itu sentiasa menghisab diri terutama pada zaman pandemik dan kemudian endemik ini, maka dia akan mudah merasa tenang dan bersedia menghadapi pelbagai ujian daripada penularan Covid-19 ini. Ketenangan dan pemikiran yang waras akan membentuk tingkah lakunya yang baik seperti tidak mudah cemas apabila diberitakan tentang bahaya penyakit Covid-19 ini, tidak mudah marah dan menyalahkan sesiapa sahaja apabila kadar kematian atau kejanganan baru meningkat sehingga menzahirkan kata-kata kesat dan melahirkan ketidakpuasan hati melalui pelbagai medium yang kadangkala ia tidak bersesuaian, rasa tenang walaupun diprovokasi dengan pelbagai berita yang tidak menyenangkan, tidak memandang sinis dan tidak memulaukan mereka yang dijangkiti Covid-19 ini, tidak mudah berputus asa, tidak terlalu bersedih dan kecewa dengan apa sahaja kesan buruk daripada pandemik ini serta sebagainya lagi. Hal seumpama ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh al-Muhasibi bahawa muhasabah diri berlaku atas dasar landasan akal yang waras dan ia mampu membentengkan jiwa daripada segala perilaku jahat dan buruk. Ini bermakna juga bahawa muhasabah diri mampu mengawal dan membimbing individu Muslim agar tidak melanggari batas-batas syariat yang telah ditetapkan.<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup> Hadis Riwayat Imam Ahmad

<sup>14</sup> Al-Quran, Surah al-Anfal: 25

<sup>15</sup> Al-Muhasibi, Harith bin Asad. *al-Tarbab*. Pnyt. Abd al-Qadir Ahmad Atta'. (Kaherah: Dar al-Fadilah, t.th).

Secara konklusinya, latihan muhasabah diri ini amat berkesan dalam hidup seseorang Muslim seandainya ia dilakukan secara jujur dan ikhlas serta berusaha memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam diri. Tidak ada sesiapa pun yang menolak bahawa Covid-19 mesti ditangani dengan perancangan yang rapi dan terbaik daripada semua pihak. Namun sebagai umat Islam khususnya, hendaklah setiap Muslim berfikir atas dasar keimanan dan keyakinan kepada Allah bahawa setiap apa yang terjadi adalah atas keizinan-Nya. Sesungguhnya, pandemik Covid-19 ini adalah ujian daripada Tuhan Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih, dan ujian tersebut seharusnya dilihat bukanlah semata-mata musibah, namun ianya mesti ditempuhi dengan jiwa positif, hati yang tenang, akal yang waras serta tindakan yang wajar. Firman Allah Taala, maksudnya:

*Katakanlah (Nabi Muhammad s.a.w.): Tidak sekali-kali akan menimpakami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman.*<sup>16</sup>

Penghayatan kepada agama Islam mampu mendidik penganutnya berinteraksi dengan musibah dan ujian dengan kefahaman yang utuh bahawa Allah Taala berkehendakkan dengan sebab wabak Covid-19 ini, agar umat Islam kembali menjadi hamba-Nya yang melayari hidup ini dengan akidah dan syariat serta berhias dengan akhlak Islam. Dengan kata lain, segala musibah atau ujian adalah daripada ketentuan Allah Taala yang pasti dan mesti ditempuhi dengan kembali kepada Allah Taala juga.

### **Mujahadah Diri**

Mujahadah berasal daripada perkataan ‘jihad’ yang bermaksud suatu usaha yang bersungguh-sungguh untuk mencapai kebaikan yang direhdai Allah s.w.t.<sup>17</sup> Menurut Ibnu Manzur, jihad berasal dari dasar kalimah Arab (ج-ه-د) yang bermaksud menghadapi kesusahan dan mengerah tenaga.<sup>18</sup> Jihad juga bererti seseorang Muslim mencurahkan tenaga dan kekuatan bagi menentang kejahatan dan membuang kebatilan bermula daripada membuang kejahatan dalam diri dengan menolak godaan-godaan syaitan dan juga jihad menentang kejahatan yang berlaku dalam masyarakat sekeliling. Berdasarkan definisi-definisi tersebut, dapat difahami bahawa jihad bukan hanya tertumpu kepada menentang musuh-musuh Allah melalui kekuatan tentera dan kekuatan senjata sahaja, malah jihad dalam Islam itu luas dan mencakupi pelbagai bidang. Justeru, jihad dan mujahadah bererti mencurahkan tenaga bagi menentang musuh yang nyata dan juga tidak nyata.

Melihat isu dan permasalahan daripada penularan wabak Covid-19 ini, ia adalah sesuatu yang mesti dilalui, ditempuhi, diharungi bersama-sama demi kelangsungan

---

<sup>16</sup> Al-Quran, **Surah al-Taubah: 51**

<sup>17</sup> Sidang Editor DBP. *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*.  
(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005)

<sup>18</sup> Ibn Manzur. *Lisan al-Arab*. (Beirut: Dar Sadir, 1990).

hidup. Tindakan seseorang Muslim yang mengambil pendekatan kembali kepada ajaran agama adalah suatu perbuatan yang paling benar dan jitu dalam menghadapi wabak Covid-19 ini. Selepas bermuhasabah diri dengan merenungi dan menyedari diri sendiri, maka kaedah seterusnya yang dilihat paling baik ialah mujahadah diri atau jihad melawan hawa nafsu atau juga seringkali dipanggil sebagai *tazkiyat al-nafs* iaitu menyucikan diri daripada sifat-sifat tercela dan mengisinya dengan sifat-sifat yang baik. Pada hakikatnya, ia melalui dua proses yang asas iaitu proses *takballi* dan *taballi*. *Takballi* ialah proses pembersihan hati daripada sifat-sifat yang keji (*al-mazmumah*) seperti riyak, hasad, dengki, takabbur, dendam, tamak, angkuh dan sebagainya lagi. Manakala *taballi* ialah proses pengisian dan penghayatan dengan sifat-sifat yang terpuji (*al-mahmudah*) seperti taubat,sabar, syukur,ikhlas dan lain-lain lagi. Pembersihan dan penyucian jiwa ini sekaligus membolehkan pembentukan akhlak yang baik dalam jiwa seseorang. Justeru, menurut para ulama Islam seperti Ibn Miskawayh dan imam al-Ghazali menyatakan bahawa jihad melawan hawa nafsu dianggap sangat penting dilaksanakan oleh setiap individu, lantaran hanya orang yang memiliki jiwa yang bersih sahaja yang akan mempunyai akhlak terpuji.<sup>19</sup>

Dalam keadaan menghadapi wabak Covid-19, setiap Muslim perlu bermujahadah dengan menyucikan diri daripada semua sifat yang buruk. Antara sifat-sifat buruk yang dipamerkan dalam media sosial oleh segelintir masyarakat baru-baru ini ialah menghentam para guru yang dilihat mempunyai bebanan tugas yang sedikit,sedangkan gaji mereka tidak dipotong walaupun negara sedang bergolak dengan masalah kewangan ekoran daripada wabak Covid-19, dan ini tentunya menampakkan sifat cemburu dan hasad dengki. Begitu juga dengan sebilangan ahli masyarakat yang menunjuk-nunjuk harta kekayaan, makan makanan yang lazat, memakai pakaian yang berjenama dan mahal, yang mana semuanya ditonjol dalam media massa ketika kebanyakkan ahli masyarakat sedang menghadapi kesengsaraan hidup akibat daripada terputusnya bekalan makanan, diberhentikan kerja, dijangkiti penyakit Covid-19 dan sebagainya. Sikap seumpama ini secara jelas menzahirkan sifat riyak, sompong, pentingkan diri sendiri dan juga kurangnya sikap kepedulian kepada orang lain. Selain itu, sifat buruk lain yang dapat dilihat lagi pada musim penularan Covid-19 ini ialah sifat tamak haloba yang ditonjolkan oleh segelintir masyarakat. Pada fasa pertama Perintah Kawalan Pergerakan iaitu pada bulan Mac 2020, banyak berita di televisyen, radio dan media massa lain telah melaporkan tentang penipuan penjualan pelitup muka, di mana ada individu yang beli seratus helai tetapi hanya dapat separuh sahaja, ada juga yang dapat pelitup muka yang telah rosak dan tidak kurang juga yang dikenakan dengan harga yang mahal untuk setiap helai. Semua penipuan ini pada

---

<sup>19</sup> Miskawayh. *Tahdib al-Akhlaq*. C.K.Zurayk. (Beirut: American University of Beirut, 1966)  
Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. *Iḥyā'Ulūm ad-dīn*.  
Juz.3. (Damsyik: Dar al-Khayr, 1990)

asasnya berpunca daripada si penjual yang bersifat tamak haloba dengan keinginan untuk memperolehi keuntungan yang banyak daripada urusniaga tersebut. Sifat-sifat yang disebutkan itu adalah sebahagian sahaja berbanding apa yang berada dalam realiti. Ini disebabkan kerana media sosial digunakan secara meluas di mana ia menjadi medium utama rakyat Malaysia untuk mendapatkan maklumat terkini, melakukan kerja dan juga melakukan pelbagai aktiviti yang baik atau buruk.<sup>20</sup> Menurut Sa'id Hawwa, sifat-sifat buruk atau *madhmumah* merupakan bukti bahawa jiwa belum sempurna, masih kotor dan tidak mampu mengawal diri untuk tetap di jalan yang benar.<sup>21</sup> Justeru, ia adalah sifat yang tidak sesekali diredhai oleh Allah s.w.t. Rasulullah s.a.w menegah umat Islam daripada memiliki akhlak yang keji kerana sifat tersebut boleh membawa keburukan kepada diri pelaku dan juga masayarakat sekelilingnya. Oleh yang demikian, setiap Muslim yang memiliki sama ada sedikit atau banyak, perlu kepada penyucian agar ia tidak akan marak dan berkembang sehingga memusnahkan jiwanya, yang mana kesannya akan melenyapkan nikmat pada kehidupan.

Manakala dalam peringkat kedua daripada proses penyucian jiwa itu ialah pengisian dan penghayatan sifat-sifat terpuji. Dalam konteks zaman ini, pengisian dan penghayatan sifat-sifat mulia itu lebih menjurus kepada menanam sifat sabar dalam diri, berusaha bersungguh memerangi wabak ini dengan mematuhi segala perintah pihak berkuasa bagi memutus rantai penyakit ini, hidup secara sihat dan lain-lain lagi.

Dengan ujian Covid-19 ini, setiap Muslim perlu bersabar dengan sebaik-baiknya. Sabar bermaksud menahan diri daripada berbuat sesuatu yang tidak baik dan juga tidak mudah berputus asa. Ibn Ata'llah dalam kitab al-Qusyairi pernah menyatakan bahawa sabar adalah tetap tabah dalam malapetaka dengan perlaku yang manis, dan sabar adalah berlalunya jiwa dalam cubaan tanpa sebarang keluhan.<sup>22</sup> Pada zaman sekarang, sabar perlu bagi menahan diri daripada perasaan resah gelisah, tidak tenteram, sentiasa berfikir perkara yang tidak sepatutnya terutama apabila mengetahui tentang ancaman dan kesan penyakit ini pada manusia sehingga menyebabkannya tertekan dan akhirnya akan membawa kepada pelbagai konflik jiwa. Di samping itu, mempraktiskan sabar dalam hal ini juga meliputi sikap menahan lidah daripada mengeluh dengan apa yang terjadi dalam hidupnya, memaki hamun atau mencaci kepada mereka yang tidak memuaskan hatinya seperti memaki pihak barisan hadapan kerana merasakan mereka tidak melakukan tugas yang sepatutnya bagi memutuskan

---

<sup>20</sup> Nik Azmi Nik Omar, Nur Zainie Abd. Hamid, Nabila Ahmad, Mohd. Fazil Jamaludin, Siti Fairuza Hassam. "Pandemik Covid-19: Keberkesanan Penyebaran Maklumat oleh Kerajaan dan Pematuhan Rakyat terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)". *Journal of Public Security and Safety*. Volume 11, Number 1, 2021, 127-147.

<sup>21</sup> Sa'id Hawwa. *Pendidikan Spiritual*. Terj. Abdul Munip. (Kuala Lumpur: Mutiara Ilmu Seleka Sdn. Bhd., 2010)

<sup>22</sup> Al-Qusyairi, Abd. Karim ibn Hawazin. *Risalah Sufi al-Qusyairi*. (Johor: Perniagaan Jahabersa, 2001).

rantaian wabak Covid-19, atau bercakap sesuatu yang tidak berfaedah tentang penularan wabak ini sehingga kadang-kala ia menimbulkan kebohongan, adu domba, keraguan, mencetuskan persepsi negatif dan lebih buruk lagi mencipta fitnah dalam masyarakat. Kemudian, sabar juga perlu dipraktiskan melalui sikap menahan diri daripada mencederakan diri sendiri atau mengoyakkan pakaian sebagai gambaran kepada tekanan, perasaan tidak berpuas hati pada sesuatu perkara, penderitaan atau kesengsaraan yang dilalui ketika itu.<sup>23</sup> Justeru, dalam keadaan semasa yang sangat mencabar ini, bermujahadah diri dengan menanam sifat sabar sangat diperlukan dalam menerima pelbagai ketentuan takdir yang berhubung dengan penderitaan atau kesulitan terutama berhadapan dengan ujian sakit, kemiskinan, kehilangan pekerjaan, kelaparan, kematian dan sebagainya lagi. Di samping itu, bersabar dalam meghadapi ujian Covid-19 iaitu menahan diri daripada melakukan sesuatu yang merosakan diri sama ada daripada sudut mental dan fizikal serta menjauhkan diri daripada sebarang maksiat kepada Allah s.w.t.

Sesungguhnya dalam Islam, bersabar mempunyai ganjaran sangat besar di sisi Allah s.w.t.

وَجَرَأُهُمْ بِمَا صَبَرُواْ جَنَّةً وَحَرَبِاً

Dan kerana kesabaran mereka (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya), mereka dibalas oleh Allah dengan Syurga dan (persalinan dari) sutera.

(Surah al-Insan 76:12)

Bersabar menempuh ujian yang mendatang adalah suatu ibadah yang sangat mulia dan dianggap penting dalam kehidupan Muslim. Hal ini juga pernah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

Sungguh menakjubkan urusan seorang Mukmin. Segala perkara yang dialaminya sangat menakjubkan. Setiap takdir yang ditetapkan oleh Allah bagi dirinya adalah kebaikan. Apabila kebaikan dialaminya, maka dia bersyukur dan hal itu merupakan kebaikan baginya. Dan apabila keburukan menimpanya, dia bersabar dan hal itu merupakan kebaikan baginya.<sup>24</sup>

Justeru, sifat sabar dan reda dengan segala apa dugaan akan diberikan ganjaran yang besar oleh Allah s.w.t serta dihapuskan dosa-dosanya. Abu Ali al-Daqqaq pernah menyatakan dalam kitab al-Qusyairi, “orang yang sabar akan mencapai darjat yang

---

<sup>23</sup> Ibn Qayyim. *Ighathah al-Lahfan min Masayid al-Syaitan*. Juz.1.Tahqiq:Muhammad Sayyid Kailani. (T.tp: Syarikah Kutub wa Matbaah Mustafa al-Bab al-Halab wa Auladuhu, 1961)

<sup>24</sup> Hadis Riwayat Muslim

tinggi di dunia dan di akhirat, sebab mereka menjadi manusia yang disertai oleh Allah.”<sup>25</sup>

Kemudian, mujahadah yang seterusnya ialah berusaha bersungguh-sungguh untuk memerangi wabak Covid-19 ini. Walaupun wabak tersebut datang daripada Allah s.w.t, namun Dia juga menuntut para hamba-Nya untuk mencari solusi daripada sudut pencegahan dan juga rawatan. Hal ini bermaksud bahawa setiap ujian yang didatangi oleh Allah kepada hamba-Nya bukanlah untuk mereka mengeluh, menyalahkan sesama sendiri, namun apa yang penting juga adalah untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah tersebut. Sewajarnya sebagai seorang Muslim yang bertanggungjawab, berbekalkan semangat dan pemikiran yang positif, maka perlu menyelesaikan masalah ini bersama-sama dengan pihak berkuasa. Dengan kata lain, setiap Muslim perlu berfikir dengan matang dan menyusun perancangan tertentu untuk mengharungi dan mengatasi ujian Covid-19 ini. Memandangkan *Novel coronavirus* ini mampu merebak dengan pantas, maka ia turut mendesak setiap individu mengambil tindakan pencegahan yang awal iaitu mematuhi arahan pihak kerajaan dengan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), yang mana Covid-19 dikatakan mampu dikawal dengan menggunakan sekatan pergerakan.<sup>26</sup> Perintah ini memerlukan setiap ahli masyarakat untuk tidak berkumpul secara beramai-ramai di satu-satu tempat tertentu, sentiasa berada di rumah, menjaga kebersihan diri, sering mencuci tangan dengan air dan sabun, mengamalkan penjarakan sosial dan memakai pelitup muka ketika berada di tempat awam (KKM 2020). Sesungguhnya tindakan tersebut iaitu perlaksanaan PKP boleh dikatakan diasaskan kepada sabda Nabi s.a.w:

Jika kamu mendengar taun di sesuatu tempat, jangan kamu pergi ke arahnya.

Jika berlaku di sesuatu tempat yang kamu sedang berada di situ, jangan kamu keluar darinya.<sup>27</sup>

Berdasarkan maksud hadis tersebut, ia secara jelas menggambarkan bahawa apa-apa tindakan yang boleh mengekang penularan sesuatu wabak adalah perbuatan yang mulia kerana ia adalah perbuatan yang menjaga kemaslahatan umum. Justeru, setiap Muslim perlu akur dan patuh kepada arahan pihak berautoriti seperti Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, pihak polis dan pihak berkuasa yang berkaitan dalam mengekang penularan wabak Covid-19 ini. Pematuhan arahan kerajaan daripada semasa ke semasa seperti PKP, PKPD, PKPB, PKPP memerlukan kesabaran yang tinggi kerana ia sememangnya memberi impak negatif terhadap

---

<sup>25</sup> Al-Qusyairi, Abd. Karim ibn Hawazin. *Risalah Sufi al-Qusyairi*. (Johor: Perniagaan Jahabersa, 2001)

<sup>26</sup> Chinazzi,et.al. The Effect of Travel Restrictions on the Spread of the 2019 Novel Coronovirus (COVID-19) Outbreak, *Science*, Volume 6,2020.

<sup>27</sup> Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

kesihatan, ekonomi, sosial, amalan beragama dan psikologi kepada semua lapisan masyarakat Malaysia secara umumnya dan setiap Muslim secara khususnya. Tambahan lagi, ia telah mengubah rutin harian manusia, dan hal ini tentunya memerlukan mujahadah diri yang bersungguh-sungguh untuk membiasakan diri kepada perkara yang tidak biasa (norma baharu), mematuhi arahan pihak kerajaan di saat diri dihimpit dengan pelbagai tekanan hidup dan lain-lain lagi. Justeru, mujahadah diri dengan berusaha bersungguh-sungguh melawan hawa nafsu yang sentiasa ingin memberontak dan ingkar arahan pihak berkuasa atau ingin mempamerkan sikap buruk yang lebih terarah kepada penentangan terhadap apa jua peraturan yang ditetapkan, memupuk kesabaran yang tinggi dalam diri untuk sentiasa berada dalam rumah (kuarantin) walaupun jiwa meronta-ronta ingin keluar rumah. Maka, kekuatan hati amat diperlukan untuk melawan godaan nafsu yang sentiasa memalingkan hati manusia daripada melakukan perkara-perkara yang merosakkan diri.

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ulu al-amr daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan (sunah) RasulNya-jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.<sup>28</sup>

Sesungguhnya mujahadah diri dengan taat dan patuh kepada arahan pihak berkuasa bagi memutuskan penularan wabak Covid-19 dan juga menjamin kesejahteraan semua adalah satu perbuatan yang mulia sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Qusyairi bahawa mujahadah adalah sifat yang terpuji.<sup>29</sup>

## KESIMPULAN

Dalam rangka menghadapi wabak Covid-19, setiap umat Islam wajib berikhtiar sama ada dalam bentuk peribadi dan bermasyarakat. Muhasabah diri dilihat sebagai ikhtiar diri untuk menjadi manusia yang lebih baik dari masa ke semasa dalam menghadapi pelbagai cabaran, tekanan dan kesan daripada penularan wabak ini. Sedar diri sebagai hamba Allah yang lemah juga mampu membentuk kekuatan diri yang menjadi benteng daripada terjebak kepada keburukan dan kemaksiatan kepada Allah. Manakala ikhtiar secara bermasyarakat memerlukan seseorang Muslim itu sentiasa berusaha untuk mematuhi arahan pihak berkuasa bagi memutuskan penularan wabak tersebut, sabar mengharunginya dan juga membantu sesama sendiri dalam meneruskan kehidupan yang semakin meruncing dari hari ke hari. Di samping ikhtiar, tawakal

---

<sup>28</sup> Al-Quran, Surah al-Nisa' 4:5

<sup>29</sup> Al-Qusyairi, Abd. Karim ibn Hawazin. *Risalah Sufi al-Qusyairi*. (Johor: Perniagaan Jahabersa, 2001)

kepada Allah juga harus ada dengan perasaan merendah diri sepenuhnya kepada Allah dan menzahirkan diri sangat berhajat kepada pertolongan Allah s.w.t. dalam menghapuskan wabak Covid-19 ini.

**Konklusinya, muhasabah dan mujahadah diri mampu menghasilkan pemikiran** yang matang lagi positif. Pemikiran sebeginilah yang akan menjadi neraca terbaik dalam menilai segala ujian dan cabaran hidup agar tidak hilang pertimbangan, hilang kewarasan sehingga memilih sudut yang negatif kepada diri, keluarga dan masyarakat. Islam mengajar agar setiap Muslim menghadapi musibah ini dengan ajaran Islam yang penuh dengan hikmah, penuh kematangan, kesedaran, ketenangan, kesabaran dan keredhaan.

## **RUJUKAN**

- Chinazzi,et.al. The Effect of Travel Restrictions on the Spread of the 2019 Novel Coronavirus (COVID-19) Outbreak, *Science*, Volume 6, 2020.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. *Iḥyā'Ulūm al-dīn*. Juz.3. Damsyik: Dar al-Khayr,1990.
- Haron Din. *Pengantar Pengubatan Islam. Siri Pengajaran Pengubatan Islam*.Jilid 1. Bandar Baru Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia, 2011.
- Ibn Qayyim. *Ighathah al-Labfan min Masayid al-Syaitan*. Juz.1.Tahqiq:Muhammad Sayyid Kailani. T.tp: Syarikah Kutub wa Matbaah Mustafa al-Bab al-Halab wa Auladuhu,1961.
- Ibn Manzur. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir, 1990.
- Isā, Abdul Qādir. Hakikat Tasawuf. Terj. Khairul Amru Harahap & Afrizal Lubis. Jakarta: Qisti Press, 2005.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. *Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronovirus 2019 (COVID-19) di Malaysia*. Berita Harian. <https://kpkesihatan.com> (accessed 1 September 2021), 2020.
- Miskawayh.*Taḥdīb al-Akhlāq*. C.K.Zurayk. Beirut: American University of Beirut, 1966.
- Al-Muhasibi, Harith bin Asad. *al-Tambah*. Pnyt. Abd al-Qadir Ahmad Atta'. Kaherah: Dar al-Fadilah, t.th.
- Nik Azmi Nik Omar, Nur Zainie Abd. Hamid, Nabilah Ahmad, Mohd. Fazil Jamaludin, Siti Fairuza Hassam.Pandemik Covid-19: Keberkesanan Penyebaran Maklumat oleh Kerajaan dan Pematuhan Rakyat terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Journal of Public Security and Safety*. Volume 11, Number 1, 127-147,2021.
- Al-Qusyairi, Abd. Karim ibn Hawazin. *Risalah Sufi al-Qusyairi*. Johor: Perniagaan Jahabersa

- Rozita,T. *Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan Kepada Penduduk Malaysia.* Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://www.dosm.gov.my> (accessed 1 September 2021), 2020.
- Sa'id Hawwa. *Pendidikan Spiritual.* Terj.Abdul Munip. Kuala Lumpur: Mutiara Ilmu Selekta Sdn. Bhd, 2010.
- Sidang Editor DBP. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Al-Zuhaili, Wahbah. *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Minhaj.* Jilid 1&9. Dimasyq: Darul Fikri,2009.